



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KAEDAH PENGAJIAN PRASISWAZAH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2014

(PINDAAN TAHUN 2021)

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
BAHAGIAN 1 - PERMULAAN	
1.1 Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat Kuasa	1
1.2 Pemansuhan	1
1.3 Tafsiran	1
BAHAGIAN 2 - KEMASUKAN KE UNIVERSITI	
2.1 Syarat Kemasukan Program Prasiswazah.....	5
2.2 Status Pelajar.....	6
BAHAGIAN 3 - STRUKTUR PROGRAM	
3.1 Komponen Kursus	7
3.2 Tempoh Pengajian yang Dibenarkan	7
3.3 Jumlah Jam Kredit untuk Bergraduati	8
3.4 Penangguhan Pengajian kerana Masalah Kesihatan	9
3.5 Penangguhan Pengajian selain Masalah Kesihatan	9
3.6 Penggantungan Pengajian di bawah Seksyen 15D AUKU	10
BAHAGIAN 4 - PENDAFTARAN	
4.1 Pendaftaran Kursus	11
4.2 Pendaftaran Lewat	11
4.3 Jumlah Kredit yang Perlu Diambil pada Setiap Semester	12
4.4 Tempoh Gugur dan/atau Tambah Kursus	12
4.5 Tempoh Tarik Diri dari Kursus	12
4.6 Pendaftaran Semester Pendek	12
4.7 Pendaftaran Kursus Ulangan	13
4.8 Pengecualian kepada Program Doktor Perubatan	14
BAHAGIAN 5 - PEMINDAHAN DAN PENGECEUALIAN KREDIT (DIMANSUHKAN)	
BAHAGIAN 6 - PENGECEUALIAN KURSUS (DIMANSUHKAN)	
BAHAGIAN 7 - PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN	
7.1 Pertukaran Program Pengajian	15
BAHAGIAN 8 - PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN	
8.1 Penilaian	17
8.2 Keperluan Peperiksaan	17
8.3 Penangguhan Peperiksaan Akhir	18
8.3A Peperiksaan Semula	18
8.4 Peperiksaan Gantian	19
8.5 Penyerahan Laporan Latihan Praktikum/ Ilmiah/ Industri/ Latihan Mengajar/ Projek	19
8.6 Peperiksaan Ulangan Khas	19
8.7 Keputusan Penilaian dan Peperiksaan Akhir	20
8.8 Semakan Semula Gred Kursus	20
8.9 Anugerah Dekan	21

BAHAGIAN 9 - NILAI GRED DAN STATUS

9.1	Gred dan Nilai Gred	22
9.2	Kod Status Tanpa Nilai Gred	23
9.3	Kod Status Kursus Ulangan	24
9.4	Kod Kredit Untuk Penilaian Gred	25

BAHAGIAN 10 - PURATA NILAI GRED

10.1	Pengiraan PNGK dan PNGS	27
10.2	Kaedah Pengiraan Purata Nilai Gred	27

BAHAGIAN 11 - STATUS PENGAJIAN PELAJAR

11.1	Status Pengajian yang Diberikan kepada Pelajar	28
11.2	Lulus	28
11.3	Tempoh Percubaan	28
11.4	Lulus Bersyarat	28
11.5	Gagal dan Berhenti	29
11.6	Tarik Diri dan Diberhentikan dari Pengajian	29
11.7	Rayuan Meneruskan Pengajian	30

BAHAGIAN 12 - PENGURNIAAN AKADEMIK

12.1	Syarat Pengurniaan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan	31
12.2	Penganugerahan Akademik secara Aegrotat dan Anumerta	31
12.3	Pengurniaan Akademik	32

BAHAGIAN 13 - PERUNTUKAN PENGECUALIAN DAN PERALIHAN

13.1	Tafsiran	33
13.2	Kesahan Tindakan oleh Universiti	33
13.3	Hak, Dsb. Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti Tidak Terjejas	33
13.4	Kuasa yang Diwakilkan	33
13.5	Kecualian Peraturan dan Sebagainya	33
13.6	Pelajar Universiti	34

BAHAGIAN 14 - AM

14.1	Am	35
	Jadual 1 (Subkaedah 2.1.1)	36
	Jadual 2 (Subkaedah 2.1.1)	38
	Jadual 3 (Subkaedah 3.2.1)	39
	Jadual 4 (Subkaedah 4.2.2)	40
	Jadual 5 (Subkaedah 4.8.1)	41
	Jadual 6 Garis Panduan Pemindahan Jam Kredit	42
	Jadual 7 (Subkaedah 9.1.3)	49
	Lampiran 1	55

KAEDAH PENGAJIAN PRASISWAZAH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2014

Suatu kaedah untuk menyelaraskan, mengurus, menyelia dan mentadbir hal ehwal akademik bagi program pengajian yang membawa kepada pengurniaan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Sabah dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 37 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah (P.U.(A)460/2010), Lembaga setelah dicadangkan oleh Senat membuat kaedah yang berikut:

BAHAGIAN 1 - PERMULAAN

1.1 Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat Kuasa

- 1.1.1 Kaedah ini dinamakan Kaedah Pengajian Prasiswazah Universiti Malaysia Sabah 2014 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Senat.
- 1.1.2 Kaedah ini hendaklah terpakai kepada program pengajian yang membawa kepada pengurniaan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan.

1.2 Pemansuhan

- 1.2.1 Peraturan Pengajian Prasiswazah yang diluluskan oleh Senat dan juga pindaan-pindaan dibuat selepas itu sebelum tarikh kuat kuasa Kaedah Pengajian Prasiswazah Universiti Malaysia Sabah adalah dengan ini dimansuhkan.

1.3 Tafsiran

- 1.3.1 Dalam Kaedah ini –

"Akta" ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30];

"Cuti Khas" : dibatalkan;

"Fakulti" ertinya Fakulti, Akademi, Sekolah, Pusat atau Institut di Universiti yang menawarkan kursus-kursus akademik yang diikuti oleh pelajar sepanjang pengajiannya di Universiti;

"Guru" ertinya seperti tafsiran "guru" di dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah (P.U.(A)460/2010);

"Ijazah Posthumus" : Dibatalkan;

"Kecurangan Akademik" ertinya kesalahan yang dilakukan oleh pelajar di bawah Kaedah 6 (Larangan terhadap plagiarisme) dan Kaedah 8 (Kelakuan semasa peperiksaan) Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 [P.U (A) 210/1999];

"Konvokesyen" ertinya seperti tafsiran "Konvokesyen" di dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah (P.U.(A)460/2010);

"Kursus Audit" ertinya sesuatu kursus yang diikuti oleh pelajar tetapi jam kredit kursus tersebut tidak dikira dalam keputusan peperiksaan dan tidak dimasukkan dalam keseluruhan jam kredit untuk bergraduasi;

"Kursus Setara" ertinya sesuatu kursus pengajian yang dikenal pasti oleh Fakulti sebagai sama taraf dengan sesuatu kursus pengajian lain dengan mengambil kira kursus pengajian itu mempunyai persamaan kandungan dan jam pengajaran sekurang-kurangnya 80% dengan sesuatu kursus pengajian lain;

"Kursus Elektif" dipindahkan ke Bahagian Tiga (3) Struktur Program;

"Kursus Major" dipindahkan ke Bahagian Tiga (3) Struktur Program;

"Kursus Minor" dipindahkan ke Bahagian Tiga (3) Struktur Program;

"Kursus Teras Universiti" dipindahkan ke Bahagian Tiga (3) Struktur Program;

"Kursus Teras Fakulti" dipindahkan ke Bahagian Tiga (3) Struktur Program;

"Kursus Teras Program" dipindahkan ke Bahagian Tiga (3) Struktur Program;

"Kredit" ertinya bermaksud ukuran nilai beban yang berasaskan jumlah jam yang diambil oleh pelajar untuk mencapai sesuatu set hasil pembelajaran. Bagi satu (1) unit kredit adalah bersamaan dengan empat puluh (40) jam belajar pelajar (JBP) atau *"Student Learning Time"* (SLT) setara selama satu semester pengajian;

"Mobiliti Inbound" ertinya pelajar dari universiti luar yang mendaftar di UMS;

"Mobiliti Outbound" ertinya pelajar UMS mendaftar di universiti luar;

"Pelajar" ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di sesuatu institusi pengajian yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat pra-ijazah dalam, oleh atau dari Universiti dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan mobiliti;

"Penasihat Akademik Pelajar" ertinya guru yang dilantik oleh Dekan Fakulti berkenaan untuk menjalankan tugas membimbing pelajar dalam hal ehwal akademik sepanjang pengajian;

"Penangguhan Pengajian" ertinya pengajian pelajar ditangguhkan di atas sebab-sebab tertentu. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai tempoh pengajian di Universiti;

"Pemindahan Kredit" : Dibatalkan;

"Pengecualian Kredit" : Dibatalkan;

"Pengecualian Kursus" : Dibatalkan;

"Penilaian" ertinya sebarang bentuk pengukuran pencapaian pelajar bagi kursus yang diambil oleh pelajar (sama ada berbentuk kuiz, ujian, ujian pertengahan semester, tugas, kerja kursus atau sebagainya) yang ditetapkan oleh Fakulti;

"Penempatan Klinikal" ertinya satu tempoh dimana pelajar program Doktor Perubatan diwajibkan menjalani latihan yang ditentukan oleh fakulti dan lulus;

"Peperiksaan" ertinya merangkumi peperiksaan akhir, peperiksaan gantian dan peperiksaan ulangan khas;

"Peperiksaan Akhir" ertinya peperiksaan yang dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan di akhir setiap semester;

"Pindah Kredit" ertinya pemindahan kredit daripada kelayakan peringkat rendah ke kelayakan peringkat yang lebih tinggi (vertical) atau pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama (horizontal) Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*);

"PNGK" ertinya purata mata nilai gred kumulatif yang diperoleh oleh pelajar bagi semua semester yang telah diikutinya;

"PNGS" ertinya purata mata nilai gred yang diperoleh oleh pelajar bagi sesuatu semester;

"Prasiswazah" ertinya Pengajian Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan;

"Semester" ertinya tempoh pengajian tertentu di dalam sesuatu sesi yang terdiri daripada semester lazim dan semester pendek;

"Semester Berikut" ertinya semester hadapan yang mengikuti secara berturutan semester seseorang pelajar itu berdaftar sebelumnya;

"Semester Lazim" ertinya tempoh pengajian di dalam sesuatu sesi yang mengandungi 14 minggu kuliah;

"Semester Pendek" ertinya suatu tempoh pengajian yang ditetapkan oleh Fakulti di luar Semester Lazim bagi tempoh 9 minggu sahaja;

"Semakan semula gred kursus" ertinya pengiraan semula markah keseluruhan penilaian pelajar (projek, kuiz, tugas, peperiksaan pertengahan semester dan sebagainya) termasuk skrip jawapan peperiksaan akhir;

"Senat" ertinya Senat Universiti Malaysia Sabah;

"Sesi" ertinya suatu tempoh pengajian yang mengandungi dua (2) semester lazim dan satu (1) semester pendek;

“Sistem Maklumat Pelajar” ertinya sistem portal pengurusan aktiviti akademik pelajar dan dikawal selia oleh Universiti bagi tujuan penyimpanan maklumat pelajar;

“Struktur Program” ertinya komponen kurikulum dan tempoh pengajian yang mengandungi kursus yang ditetapkan untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Doktor Perubatan;

“Tempoh Pengajian” ertinya suatu tempoh yang ditetapkan untuk pelajar memenuhi semua syarat keperluan pengajian bagi tujuan pengijazahan;

“Universiti” ertinya Universiti Malaysia Sabah.

BAHAGIAN 2 – KEMASUKAN KE UNIVERSITI

2.1 Syarat Kemasukan Program Prasiswazah

2.1.1 (i) Calon yang ingin mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaysia Sabah hendaklah memenuhi syarat-syarat am berikut:

- (a) lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (b) mendapat kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013; dan
- (c) lulus:
 - i. Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) termasuk Pengajian Am; atau
 - ii. Program Persediaan Sains Dan Teknologi (PPST) Universiti Malaysia Sabah atau program Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
 - iii. kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat; dan
- (d) telah menduduki Malaysian University English Test (MUET) dan mendapat sekurang-kurangnya Band 2 ; atau
- (e) apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.

(ii) Bagi program Ijazah Doktor Perubatan hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti dalam **Jadual 1**.

(iii) Dibatalkan.

- (a) Dibatalkan.
- (b) Dibatalkan.
- (c) Dibatalkan.
- (d) Dibatalkan.
- (e) Dibatalkan.

(iii) Bagi pelajar Antarabangsa hendaklah memenuhi syarat kemasukan seperti dalam **Jadual 2**.

2.1.1A Syarat khas program boleh dirujuk melalui Buku Maklumat Kemasukan Program Prasiswazah UMS yang berkuatkuasa.

2.1.2 Walau apapun ketetapan pada subkaedah 2.1.1, Senat boleh menetapkan syarat-syarat khas tambahan bagi kemasukan ke setiap program pengajian.

- 2.1.3 Seseorang yang mendapat pendidikan di luar Malaysia boleh memohon untuk mengikuti program pengajian prasiswazah di Universiti mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh Senat.
- 2.1.4 Senarai calon yang ditawarkan mengikuti program pengajian prasiswazah di Universiti hendaklah disahkan oleh Senat.
- 2.1.5 Senat boleh pada bila-bila masa membatalkan tawaran kemasukan pelajar atau membatalkan status pelajar sekiranya terbukti pemohon atau pelajar mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat palsu.

2.2 Status Pelajar

- 2.2.1 Calon yang telah mendaftar mengikut cara yang ditetapkan oleh Universiti akan diberi status sebagai pelajar.
- 2.2.2 Pelajar akan diberi status aktif jika pelajar mendaftar kursus yang ditetapkan dalam struktur pengajian dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti dan mengikuti proses pembelajaran seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 2.2.3 Pelajar akan diberi status tidak aktif jika:
 - (a) digantung pengajian mengikut Kaedah 3.6; atau
 - (b) menangguh pengajian mengikut Kaedah 3.4 atau 3.5; atau
 - (c) tidak mendaftar kursus pada tempoh yang ditetapkan.
 - (d) telah melebihi tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan.
- 2.2.4 Pelajar akan hilang status sebagai pelajar jika:
 - (a) menarik diri dari pengajian; atau
 - (b) tidak mendaftar selama dua (2) semester berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti; atau
 - (c) mendapat status "Gagal dan Berhenti" di bawah Kaedah 11.5; atau
 - (d) diberhentikan dari Universiti atas tindakan tatatertib; atau
 - (e) Dibatalkan.
- 2.2.5 Seseorang pelajar yang mendapat status tidak aktif atau hilang status sebagai pelajar tidak lagi berhak menerima kemudahan sebagai pelajar.

BAHAGIAN 3 - STRUKTUR PROGRAM

3.1 Komponen Kursus

- 3.1.1 Pelajar hendaklah mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada Kursus Teras Universiti (termasuk Bahasa dan Ko-Kurikulum Berkredit), Kursus Teras Disiplin, Kursus Teras Program, Kursus Major/Kursus Minor dan/atau Kursus Elektif.
- (a) "**Kursus Major**" ertinya Program Pengajian kursus pengkhususan utama yang ditetapkan untuk program pengajian dalam Fakulti;
 - (b) "**Kursus Teras Universiti**" ertinya kursus yang ditawarkan dan pada peringkat Universiti dan diwajibkan kepada semua pelajar untuk lulus bagi memenuhi syarat penganugerahan pengurniaan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan;
 - (c) "**Kursus Teras Fakulti**" ertinya kursus asas yang ditawarkan dan ditentukan pada peringkat Fakulti dan diwajibkan kepada semua pelajar Fakulti berkenaan untuk lulus bagi memenuhi syarat penganugerahan pengurniaan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan;
 - (d) "**Kursus Teras Disiplin**" ertinya kursus asas yang ditawarkan dan ditentukan pada peringkat Fakulti dan diwajibkan kepada semua pelajar mengikut disiplin untuk lulus bagi memenuhi syarat pengurniaan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan.
 - (e) "**Kursus Teras Program**" ertinya kursus asas yang ditawarkan dan ditentukan pada peringkat program pengajian dan diwajibkan kepada semua pelajar program berkenaan untuk lulus bagi memenuhi syarat penganugerahan pengurniaan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan;
 - (f) "**Kursus Minor**" ertinya kursus tumpuan kedua yang boleh diambil oleh pelajar dari mana-mana program Ijazah Sarjana Muda Universiti seperti yang ditetapkan oleh Fakulti;
 - (g) "**Kursus Elektif**" ertinya kursus pilihan yang ditawarkan pada peringkat program seperti yang ditetapkan oleh Fakulti;

3.1.1A Penawaran kursus berdasarkan prospektus mengikut kohort pengajian.

3.2 Tempoh Pengajian yang Dibenarkan

- 3.2.1 Pelajar hendaklah mengikuti program pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Senat seperti dalam **Jadual 3**.
- 3.2.1A Tempoh minimum untuk menamatkan tempoh pengajian termasuk pelajar yang diberikan Pindah Kredit juga adalah seperti dalam **Jadual 3**.
- 3.2.2 Tempoh Pengajian yang ditetapkan adalah seperti berikut:
- (a) Dibatalkan.
 - (b) Dibatalkan.

- (b1) Tempoh pengajian yang ditetapkan hendaklah dikira dari tarikh pendaftaran pertama termasuklah tempoh penangguhan pengajian kerana gagal mendaftar dalam tempoh pendaftaran yang ditetapkan atau dikenakan penggantungan pengajian kerana tindakan tatatertib Universiti.
- (c) Diputuskan tidak bersalah (kesalahan jenayah):
Tempoh pengajian yang ditetapkan hendaklah **dikira** dari tarikh pendaftaran pertama **tidak termasuk tempoh semasa penggantungan kerana pertuduhan tersebut;**
- (d) Diputuskan bersalah (kesalahan jenayah):
Tempoh pengajian yang ditetapkan hendaklah **dikira** dari tarikh pendaftaran pertama **termasuk tempoh semasa pertuduhan;**

3.2.2A Status yang diambil kira dalam tempoh pengajian adalah seperti berikut:

- (a) Aktif pengajian;
- (b) Jatuh Status Tangguh;
- (c) Tatatertib;
- (d) Mobiliti *Outbound*;
- (e) Mod 2u2i; dan
- (f) yang diiktiraf oleh Senat.

3.2.2B Status yang tidak diambil kira dalam tempoh pengajian adalah seperti berikut:

- (a) Gagal dan berhenti.
- (b) Jatuh status diberhentikan.
- (c) Tamat tempoh pengajian yang dibenarkan.

3.2.3 Senat boleh menimbangakan pelanjutan tempoh pengajian yang dibenarkan jika pelajar mempunyai alasan yang munasabah.

3.3 Jumlah Jam Kredit untuk Bergraduat

3.3.1 Sejumlah jam kredit mengikut struktur pengajian seperti yang ditetapkan oleh Senat seperti berikut:

- (a) Minimum 120 jam kredit bagi program Sarjana Muda.
- (a1) Tertakluk kepada keperluan Badan Profesional.
- (b) Dibatalkan.

3.4 Penangguhan Pengajian kerana Masalah Kesihatan

- 3.4.1 Permohonan untuk penangguhan pengajian bagi sesuatu semester hendaklah dimajukan kepada Dekan Fakulti untuk pertimbangan. Kelulusan penangguhan pengajian adalah berdasarkan semester ke semester dan tidak melebihi dua (2) semester berturut-turut.
- 3.4.1A Bagi pelajar program Doktor Perubatan di Tahun 3 hingga Tahun 5, penangguhan pengajian boleh diberikan berdasarkan perakuan pengamal perubatan yang diiktiraf, selama satu sesi pengajian.
- 3.4.1B Pelajar yang disahkan hamil oleh Doktor Perubatan lebih daripada enam (6) bulan boleh memohon menangguh pengajian dua (2) semester berturut-turut sekali gus.
- 3.4.2 Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan boleh diberi penangguhan pengajian tertakluk kepada perakuan daripada Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan. Dalam kes pelajar yang mengalami gangguan mental, kebenaran untuk menangguhkan pengajian adalah tertakluk kepada perakuan pakar perubatan psikiatri. Bagi pelajar program Doktor Perubatan penangguhan pengajian boleh diberikan berdasarkan perakuan pakar perubatan psikiatri selama satu sesi pengajian.
- 3.4.3 Ibu bapa atau penjaga seseorang pelajar yang menghadapi masalah kesihatan yang berpanjangan, boleh memohon bagi pihak pelajar berkenaan dengan menyertakan bukti perakuan daripada Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan kepada Dekan Fakulti pelajar itu untuk menangguhkan pengajian bagi sesuatu semester dalam tempoh yang munasabah.
- 3.4.4 Selepas kelulusan penangguhan diberikan, semua kursus yang telah didaftar pada semester berkenaan akan terbatal.
- 3.4.5 Sekiranya pelajar memerlukan penangguhan melebihi dua (2) semester berturut-turut, hendaklah dirujuk kepada lembaga perubatan universiti. Senat akan membuat keputusan berdasarkan kepada syor lembaga perubatan.
- 3.4.6 Tempoh penangguhan pengajian yang diluluskan di bawah kaedah 3.4 ini tidak akan diambil kira sebagai tempoh pengajian yang dibenarkan mengikut subkaedah 3.2.1 dan 3.2.2.

3.5 Penangguhan Pengajian selain Masalah Kesihatan

- 3.5.1 Pelajar yang menghadapi masalah selain daripada yang dinyatakan pada kaedah 3.4 boleh memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti berkenaan untuk menangguhkan pengajian tetapi permohonan penangguhan pengajian **tidak boleh dibuat selepas minggu ke-10**. Permohonan selepas tempoh tersebut hanya boleh dibuat untuk menangguh peperiksaan.

- 3.5.2 Kelulusan penangguhan pengajian adalah tidak melebihi satu (1) semester sahaja.
- 3.5.3 Sekiranya pelajar memerlukan penangguhan melebihi satu (1) semester hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Prasiswazah, Diploma dan Asasi untuk pertimbangan.
- 3.5.4 Selepas kelulusan penangguhan diberikan, semua kursus yang telah didaftarkan pada semester berkenaan akan terbatal.
- 3.5.5 Tempoh penangguhan pengajian yang diluluskan di bawah kaedah 3.5 ini tidak akan diambil kira sebagai tempoh pengajian yang dibenarkan mengikut subkaedah 3.2.1 dan 3.2.2.

3.6 Penggantungan Pengajian di bawah Seksyen 15D AUKU

- 3.6.1 Tempoh semester yang terlibat dengan penggantungan pengajian di bawah subseksyen 15D (1) dan (7) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) hendaklah diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian yang dibenarkan untuk bergraduat, sekiranya pelajar berkenaan disabitkan kesalahan oleh mahkamah.

BAHAGIAN 4 - PENDAFTARAN

4.1 Pendaftaran Kursus

- 4.1.1 Pelajar hendaklah mendaftar semua kursus yang diambil pada setiap semester secara atas talian melalui Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu dengan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.
- 4.1.1A Dibatalkan.
- 4.1.2 Pendaftaran hanya dibuat setelah keputusan peperiksaan diumumkan dan hendaklah disahkan pada minggu pertama semester berikutnya.
- 4.1.3 Pelajar mencetak slip pendaftaran kursus dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh akhir minggu gugur/tambah kursus.
- 4.1.4 Sekiranya pelajar tidak membuat pengesahan pendaftaran kursus yang dibuat dalam tempoh yang ditetapkan, maka kursus-kursus yang telah didaftarkan akan dianggap muktamad dan sah diperakukan sebagai pendaftaran pelajar tersebut.
- 4.1.5 *Dibatalkan.*
- 4.1.6 Semua kursus yang telah didaftar pada sesuatu semester akan dibatalkan sekiranya pelajar telah diluluskan untuk menangguhkan pengajian pada semester berkenaan di bawah kaedah 3.4, 3.5 dan 3.6.
- 4.1.7 Pelajar yang mendapat PNGK di bawah 2.30 hendaklah berbincang dengan Penasihat Akademik Pelajar dan mendapat kebenaran Dekan Fakulti sebelum pelajar tersebut membuat sebarang pengesahan pendaftaran kursus.
- 4.1.7B Subkaedah 4.1.7 adalah tidak terpakai kepada pelajar program Doktor Perubatan.

4.2 Pendaftaran Lewat

- 4.2.1 Pelajar yang tidak mematuhi kaedah 4.1 hendaklah membayar denda sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus yang ingin didaftarkan sebelum mendapatkan kelulusan Dekan.
- 4.2.1A Tempoh untuk pendaftaran lewat yang dibenarkan adalah pada minggu kedua sehingga minggu ketiga sahaja.
- 4.2.2 Pelajar yang telah terhalang daripada membuat pendaftaran kursus, atas apa-apa sebab yang diperuntukkan di dalam kaedah ini atau apa-apa kaedah lain yang berkaitan, adalah dianggap tidak mendaftar dan pelajar itu dianggap sebagai tangguh pengajian.

4.2.3 Status tangguh pengajian yang diberikan mengikut subkaedah 4.2.2 akan diambil kira dalam tempoh pengajian yang ditetapkan.

4.3 Jumlah Kredit yang Perlu Diambil pada Setiap Semester

4.3.1 Pelajar hendaklah mendaftar tidak kurang daripada dua belas (12) jam kredit dan tidak lebih daripada dua puluh (20) jam kredit pada setiap semester atau sejumlah kredit yang dibenarkan oleh Dekan Fakulti (bagi kursus PPIB/PKPP hendaklah mendapat kelulusan Dekan PPIB/Pengarah PKPP).

4.3.2 Kiraan had kredit adalah tidak termasuk kursus Latihan Industri/Mengajar/Klinikal/ Praktikum.

4.3.2A Kiraan had kredit adalah tertakluk kepada keperluan Badan Profesional.

4.3.3 Walau bagaimanapun, pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.30 hendaklah mengambil tidak lebih daripada lima belas (15) jam kredit kecuali mendapat kebenaran Dekan Fakulti (bagi kursus PPIB/PKPP hendaklah mendapat kelulusan Dekan PPIB/Pengarah PKPP).

4.4 Tempoh Gugur dan/atau Tambah Kursus

4.4.1 Pelajar yang telah membuat pengesahan pendaftaran kursus pada minggu pertama, boleh membuat proses gugur dan/atau tambah kursus dalam tempoh tiga (3) minggu pertama setiap semester.

4.4.2 Pelajar yang ingin membuat perubahan pendaftaran kursus (tambah/gugur) selepas tempoh yang dinyatakan pada subkaedah 4.4.1 akan dikenakan denda bagi setiap kursus yang hendak didaftarkan/digugurkan (minggu ke-4 hingga minggu ke-8 sahaja) seperti dalam **Jadual 4**.

4.4.3 Wang denda tidak dikembalikan bagi permohonan perkara subkaedah 4.4.2.

4.5 Tempoh Tarik Diri dari Kursus

4.5.1 Tempoh tarik diri dari kursus bermula dari minggu keempat sehingga minggu kesembilan semester berkenaan.

4.6 Pendaftaran Semester Pendek

4.6.1 Semester Pendek boleh diadakan jika:

(i) ditawarkan oleh Fakulti dalam mana-mana tahun pengajian; atau

(ii) sesuatu program pengajian itu dibenarkan menjalankan semester pendek.

- 4.6.2 Pelajar tahun akhir boleh memohon kelulusan Dekan Fakulti untuk mengadakan semester pendek pada tahun akhir pengajian untuk mengambil kursus yang belum diambil atau gagal tidak melebihi sembilan (9) jam kredit bagi keperluan bergraduat.
- 4.6.3 Pengajian semester pendek hendaklah bermula dari tarikh tamat Peperiksaan Akhir Semester dua (2) pada setiap tahap pengajian dan akan berjalan untuk tempoh sembilan (9) minggu yang merangkumi Peperiksaan Akhir dan tiada Cuti Pertengahan Semester dan Minggu Ulangkaji.
- 4.6.4 Sebarang kursus boleh ditawarkan dalam semester pendek tertakluk kepada kelulusan Fakulti.
- 4.6.5 Jumlah kursus yang boleh diikuti oleh pelajar pada semester pendek hendaklah tidak melebihi tiga (3) kursus atau sepuluh (10) jam kredit atau sejumlah yang diluluskan oleh Fakulti.
- 4.6.6 Pendaftaran kursus semester pendek hendaklah dibuat pada atau sebelum minggu ke 14 Semester Dua (2) dengan menggunakan borang/kaedah yang ditetapkan.
- 4.6.7 Pelajar tidak dibenarkan untuk meminda pendaftaran kursus dalam semester pendek. Walau bagaimanapun pelajar boleh memohon menarik diri daripada kursus yang diikuti sehingga akhir minggu keempat (4) dan akan direkodkan sebagai Tarik Diri (TD).
- 4.6.8 Jumlah Jam Belajar Pelajar (JBP) bagi sesuatu kursus pada semester pendek adalah sama seperti dalam Semester Lazim.
- 4.6.9 Prosedur yang sedia ada mengenai pengumuman keputusan peperiksaan dan rayuan keputusan gred hendaklah diguna pakai bagi semester pendek.
- 4.6.10 Pelajar hendaklah membayar kadar yuran yang ditetapkan oleh Universiti bagi mengikuti semester pendek.

4.7 Pendaftaran Kursus Ulangan

- 4.7.1 Pelajar yang masih berada dalam tempoh pengajian yang dibenarkan dan:-
 - (a) gagal atau mendapat gred C- dan ke bawah dalam kursus komponen elektif boleh mengulang kursus yang sama atau mendaftar kursus yang lain dalam komponen elektif mengikut keperluan Program Pengajiannya; atau
 - (b) gagal atau mendapat gred C- dan ke bawah dalam sesuatu kursus Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa dan/atau Pusat Kokurikulum boleh mengulang kursus yang gagal itu atau mendaftar kursus lain bagi menggantikan kursus yang gagal itu tertakluk kepada kursus baharu itu di dalam gugusan yang sama; atau

(c) mendapat gred C- dan ke bawah bagi kursus yang telah diambilnya dan ingin memperbaiki gred kursus yang berkenaan boleh mendaftar untuk mengulang kursus berkenaan sahaja.

(d) gagal kursus Teras Universiti/Disiplin dan Teras Program/Pengkhususan wajib diulang.

4.7.2 Pengiraan PNGK bagi kursus-kursus yang diambil mengikut subkaedah 4.7.1 akan mengambil kira gred yang terbaik sahaja.

4.8 Pengecualian kepada Program Doktor Perubatan

4.8.1 Tanpa mengira apa-apa peruntukan dalam kaedah 4.1 hingga 4.7, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan boleh menetapkan tatacara pendaftaran kursus bagi program Doktor Perubatan tertakluk dengan kebenaran Senat. Tatacara Pendaftaran Program Doktor Perubatan adalah seperti di **Jadual 5**.

BAHAGIAN 5- PEMINDAHAN DAN PENGECCUALIAN KREDIT (DIMANSUHKAN)

Hal-hal Berkaitan Pemindahan Jam Kredit adalah seperti di Jadual 6: Garis Panduan Pemindahan Jam Kredit

BAHAGIAN 6 - PENGECCUALIAN KURSUS (DIMANSUHKAN)

BAHAGIAN 7 - PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

7.1 Pertukaran Program Pengajian

7.1.1 Universiti boleh mempertimbangkan permohonan pelajar untuk:

- (a) Pertukaran program pengajian dalam Fakulti dengan syarat:
 - (i) Pelajar berada di semester pertama (1) tahun pertama pengajian.
 - (ii) Kelulusan tersebut berkuatkuasa pada semester berikutnya tertakluk kepada keputusan semester pertama (1) tahun pertama pengajian.
 - (iii) Tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti.
- (b) Pertukaran program pengajian antara Fakulti dengan syarat:
 - (i) Pelajar mendapat status "Gagal dan Berhenti" bagi kali pertama dan diluluskan rayuan untuk meneruskan pengajian; atau
 - (ii) Pelajar berada di semester kedua (2) tahun pertama pengajian dengan syarat permohonan hendaklah dibuat selepas keputusan peperiksaan akhir semester pertama dikeluarkan.
 - (iii) Kelulusan pertukaran program pengajian adalah tertakluk kepada syarat am dan syarat khas yang dipohon.
 - (iv) Kelulusan tersebut berkuatkuasa pada semester berikutnya.
 - (v) Tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Prasiswazah, Diploma dan Asasi.

7.1.1A Pelajar yang telah diluluskan untuk bertukar program pengajian seperti pada subkaedah 7.1.1 adalah tidak dibenarkan lagi untuk bertukar program lain dan semua kursus daripada program asal hendaklah tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK pada program pengajiannya yang baharu.

7.1.2 Pelajar yang diluluskan untuk bertukar program pengajian dalam Universiti boleh memohon pemindahan kredit tertakluk dengan Garis Panduan Pemindahan Jam Kredit dalam tempoh tahun pertama pertukaran program pengajian tersebut.

7.1.3 Tempoh pengajian program asal tidak diambil kira sebagai tempoh pengajian di Universiti. Pelajar akan dianggap pelajar baharu bagi program baharunya.

- 7.1.4 Permohonan pertukaran program pengajian hendaklah dibuat secara rasmi mengikut ketetapan Universiti dalam tempoh minggu pertama (1) hingga keempat (4) selepas keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- 7.1.5 Setiap permohonan pertukaran program pengajian akan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00.
- 7.1.6 Setiap permohonan hendaklah terlebih dahulu mendapat pertimbangan dan perakuan Fakulti asal dan kemudian Fakulti baharu.

BAHAGIAN 8 - PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

8.1 Penilaian

- 8.1.1 Setiap kursus yang dijalankan hendaklah mempunyai kaedah penilaian berterusan dan/atau peperiksaan akhir.
- 8.1.2 Penilaian terhadap setiap kursus dibuat secara berterusan berdasarkan kerja kursus, peperiksaan akhir dan bentuk lain yang dibuat dalam sesuatu semester pengajian menurut kaedah yang ditentukan oleh Fakulti tertakluk kepada kelulusan Senat.
- 8.1.3 Penilaian bagi latihan praktikum/latihan industri/ilmiah/mengajar/*internship*/penempatan klinikal adalah menurut kaedah yang ditetapkan oleh Fakulti tertakluk kepada kelulusan senat.
- 8.1.4 Dibatalkan.
- 8.1.5 Penilaian bagi kursus yang berdasarkan kepada 100% kerja kursus boleh dilaksanakan dengan kelulusan Fakulti.
- 8.1.6 Dibatalkan.

8.2 Keperluan Peperiksaan

- 8.2.1 Dekan boleh menghalang pelajar daripada menduduki peperiksaan akhir sekiranya pelajar dalam kursus berkenaan:
 - (i) tidak menghadiri salah satu penilaian tanpa sebab munasabah; atau
 - (ii) tidak hadir kuliah sebanyak tiga (3) kali tanpa kebenaran Pensyarah/Dekan sepanjang minggu pengkuliahan semester berkenaan.
- 8.2.1A Dekan hendaklah memaklumkan kepada pelajar sekurang-kurangnya seminggu sebelum peperiksaan akhir bahawa pelajar dihalang mengambil peperiksaan akhir sesuatu kursus.
- 8.2.1B Mana-mana pelajar yang dihalang menduduki peperiksaan, melainkan dengan alasan yang munasabah, akan secara automatik diberi Gred F tanpa mengambil kira pencapaian kerja kursus.
- 8.2.2 Fakulti boleh menentukan apa-apa cara dan kaedah sesuatu peperiksaan akhir itu dilaksanakan.
- 8.2.3 Tanpa mengurangkan apa-apa peruntukan di bawah subkaedah 8.2.1, pelajar program Doktor Perubatan akan hanya dibenarkan menduduki peperiksaan setelah disahkan memenuhi semua syarat-syarat pengajian termasuk nilai dan sikap profesion perubatan.

8.2.4 Bagi pelajar program Doktor Perubatan, Peperiksaan profesional akan dijalankan di akhir tahun 3 (Profesional I) dan tahun 5 (Profesional II). Hanya pelajar yang mendapat PNGK 3.00 dan ke atas layak menduduki peperiksaan ini.

8.2.5 Dibatalkan.

8.3 Penangguhan Peperiksaan Akhir

8.3.1 Penangguhan peperiksaan akhir boleh diadakan dalam keadaan seperti berikut:

- (a) Pelajar yang mengalami masalah kesihatan atau bencana alam sewaktu peperiksaan akhir semester hendaklah memohon kepada Dekan/Pengarah Fakulti berkenaan untuk menangguhkan peperiksaan. Permohonan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan diadakan;
- (b) Permohonan berkaitan masalah kesihatan mestilah disertakan surat pengesahan Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan. Permohonan berkaitan masalah bencana alam hendaklah disertakan pengesahan daripada pihak Polis atau Ketua Kampung atau PBT;
- (c) Berlaku kematian ibubapa / datuk / nenek / suami / isteri / anak / mertua / adik-beradik kepada pelajar;
- (d) Permohonan pelajar untuk menangguhkan peperiksaan yang dibuat selepas tempoh yang ditetapkan pada perenggan (a) atas sebab yang kukuh adalah dibawah kelulusan Dekan/Pengarah;
- (e) Permohonan pelajar untuk menangguhkan peperiksaan selain sebab-sebab yang dinyatakan pada perenggan (a) sehingga (d) adalah di bawah kelulusan Dekan/Pengarah;

8.3.1A Penangguhan peperiksaan bagi sesuatu kursus hanya dibenarkan sekali sahaja, kecuali dengan kebenaran Dekan/Pengarah.

8.3.2 Ibu bapa atau penjaga seseorang pelajar yang menghadapi masalah kesihatan kritikal semasa peperiksaan akhir boleh memohon bagi pihak pelajar berkenaan dengan menyertakan perakuan daripada Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan kepada Dekan/Pengarah Fakulti berkenaan pelajar itu untuk menangguhkan peperiksaan dalam tempoh yang munasabah.

8.3A Peperiksaan Semula

8.3A.1 Senat berhak mengadakan semula peperiksaan bagi sesuatu kursus pada bila-bila masa sekiranya berlaku kebocoran soalan peperiksaan dan sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah oleh Senat.

8.4 Peperiksaan Gantian

- 8.4.1 Bagi kes penangguhan pada kaedah 8.3, tarikh peperiksaan gantian akan ditetapkan mengikut kesesuaian kes.
- 8.4.2 Sekiranya pelajar masih tidak dapat hadir mengikuti peperiksaan gantian pada tarikh yang ditetapkan tanpa alasan munasabah, maka pelajar hendaklah diberi **gred F** bagi kursus berkenaan dan dikehendaki mendaftar semula kursus tersebut.

8.5 Penyerahan Laporan Latihan Praktikum / Ilmiah / Industri / Latihan Mengajar / Projek

- 8.5.1 Pelajar yang gagal menyerahkan Laporan Latihan Praktikum / Ilmiah / Industri / Latihan Mengajar / Projek pada tarikh yang ditetapkan akan diberikan gred F atau Gagal dan dikehendaki mendaftar semula untuk mengikuti praktikum / ilmiah / industri / latihan mengajar / projek berkenaan.

8.6 Peperiksaan Ulangan Khas

- 8.6.1 Pelajar yang gagal satu kursus yang diambil pada tahun akhir pengajian boleh memohon untuk menduduki peperiksaan ulangan khas bagi tujuan pengijazahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) pelajar adalah berstatus lulus (PNGK 2.00 ke atas); dan
 - (b) kegagalan dalam kursus tersebut bukanlah kerana disabitkan dengan kecurangan akademik; dan
 - (c) kursus bukan gred X; dan
 - (d) kursus tersebut hendaklah mempunyai peperiksaan akhir sahaja.
- 8.6.2 Pelajar hendaklah membayar wang pemprosesan Peperiksaan Ulangan Khas sebanyak RM100.00 sebelum boleh menduduki Peperiksaan Ulangan Khas itu.
- 8.6.3 Peperiksaan Ulangan Khas tersebut hanya boleh diambil sekali sahaja dan permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh keputusan peperiksaan pada semester akhir diumumkan.
- 8.6.4 Penilaian Peperiksaan Ulangan Khas hendaklah 100% berdasarkan peperiksaan tersebut.
- 8.6.5 Keputusan yang diberikan bagi Peperiksaan Ulangan Khas hanya Lulus atau Gagal sahaja dan tidak akan mengubah nilai gred sebelumnya.
- 8.6.6 Subkaedah 8.6.1 sehingga 8.6.5 ini tidak terpakai kepada program Doktor Perubatan. Peperiksaan Ulangan bagi pelajar program Doktor Perubatan boleh

diadakan bagi pelajar-pelajar yang mendapat nilai gred kursus kurang dari 3.00. Untuk tahun satu (1) dan tahun dua (2), peperiksaan ulangan itu boleh diadakan selepas sebulan dari peperiksaan akhir tahun tersebut. Untuk penempatan klinikal, peperiksaan ulangan boleh diambil pada penempatan yang berikutnya atau pada peperiksaan ulangan yang diadakan di akhir sesi pengajian tersebut.

8.6.7 Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan boleh melaksanakan peperiksaan ulangan mengikut kaedahnya sendiri seperti yang telah diluluskan oleh Senat.

8.6.8 Untuk Peperiksaan Ulangan tahun satu dan dua di bawah subkaedah 8.6.6, penilaian bagi tujuan pemberian gred adalah 100% markah peperiksaan ulangan tersebut dan gred maksimum yang boleh diberikan adalah gred B.

8.6.9 Untuk Peperiksaan Ulangan penempatan klinikal di bawah subkaedah 8.6.6, penilaian bagi tujuan pemberian gred akan mengambil kira penilaian berterusan pelajar tersebut dan gred maksimum yang boleh diberikan adalah gred B. Pelajar dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan penempatan klinikal tidak lebih daripada dua (2) kali.

8.6.9A Dibatalkan.

8.6.10 Dibatalkan.

8.6.11 Dibatalkan.

8.6.12 Peperiksaan Ulangan Profesional I hendaklah diadakan selepas satu bulan dan Peperiksaan Ulangan Profesional II akan diadakan selepas 6 bulan dari tarikh keputusan peperiksaan diumumkan.

8.7 Keputusan Penilaian dan Peperiksaan Akhir

8.7.1 Setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Prasiswazah, Diploma dan Asasi, pelajar akan dimaklumkan:

- (a) keputusan gred setiap kursus;
- (b) PNGS dan PNGK; dan
- (c) status pengajian setiap semester.

8.8 Semakan Semula Gred Kursus

8.8.1 Pelajar boleh membuat permohonan semakan semula gred kursus (kecuali peperiksaan ulangan khas) kepada Dekan/Pengarah Fakulti yang mana kursus itu ditawarkan, dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh keputusan peperiksaan diumumkan.

- 8.8.2 Setiap permohonan semakan semula akan dikenakan bayaran pemprosesan sebanyak RM100.00 setiap kursus.
- 8.8.3 Satu jawatankuasa pemeriksaan akan ditubuhkan bagi tujuan semakan semula gred kursus.
- 8.8.4 Dekan/Pengarah Fakulti di mana kursus itu ditawarkan hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pemeriksa yang terdiri daripada:
- (a) Dekan/Pengarah Fakulti di mana kursus ditawarkan sebagai Pengerusi atau Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah yang tidak berkepentingan dalam kertas yang disemak semula;
 - (b) Ketua/Penyelaras Program bagi kursus yang diambil;
 - (c) Seorang (1) ahli lain yang dilantik oleh Dekan; dan
 - (d) Pemeriksa asal kursus berkenaan.
 - (e) Pegawai Tadbir (Akademik) Fakulti sebagai Setiausaha.
- 8.8.5 Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memastikan keseluruhan penilaian pelajar (projek, kuiz, tugas, peperiksaan pertengahan semester dan sebagainya) termasuk skrip jawapan peperiksaan akhir dan telah disemak berdasarkan skema pemarkahan dan diberikan markah secara konsisten dan betul.
- 8.8.6 Keputusan Jawatankuasa Prasiswazah, Diploma dan Asasi berhubung permohonan semakan gred kursus semula itu adalah muktamad.

8.9 Anugerah Dekan

- 8.9.1 Dekan sesuatu fakulti boleh menganugerahkan kepada pelajar fakulti yang memperolehi keputusan semester PNGS 3.50 dan ke atas pada setiap semester dengan syarat minimum jam kredit yang didaftarkan ialah dua belas (12) jam kredit dan sekurang-kurangnya empat (4) kursus.

BAHAGIAN 9 – NILAI GRED DAN STATUS

9.1 Gred dan Nilai Gred

- 9.1.1 Bagi sesuatu kursus, nilai gred adalah berdasarkan kepada jumlah markah yang diperolehi daripada penilaian dan peperiksaan akhir semester.
- 9.1.2 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Mata Gred	Markah	Taraf
A+	4.00	90-100	Lulus Sangat Cemerlang
A	4.00	80-89	Lulus Cemerlang
A-	3.67	75-79	Lulus Cemerlang
B+	3.33	70-74	Lulus Kepujian
B	3.00	65-69	Lulus Kepujian
B-	2.67	60-64	Lulus Kepujian
C+	2.33	55-59	Lulus Baik
C	2.00	50-54	Lulus Baik
C-	1.67	45-49	Lulus
D+	1.33	40-44	Lulus
D	1.00	35-39	Gagal
E	0.00	0-34	Gagal

Nota: Gred dan nilai gred ini hanya terpakai bagi kohort kemasukan bermula Sesi 2022/2023 manakala bagi kohort kemasukan sebelum Sesi 2022/2023 sila rujuk Lampiran 1.

- 9.1.3 Senat boleh menentukan gred dan nilai gred yang berlainan daripada yang dinyatakan pada subkaedah 9.1.2 bagi mana-mana program mengikut keperluan program berkenaan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 7**.
- 9.1.4 Tertakluk kepada peruntukan dalam kaedah ini, pelajar yang tidak melengkapkan atau mengikuti mana-mana penilaian atau menduduki peperiksaan akhir yang ditetapkan dalam sesuatu kursus hendaklah diberi gred F bagi keseluruhan penilaian bagi kursus tersebut.
- 9.1.5 Pelajar yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak pernah mengikuti kuliah dan sebarang penilaian hendaklah diberi gred 'X' dengan nilai Gred 0.00.

9.2 Kod Status Tanpa Nilai Gred

9.2.1 Kod dan takrifan status tanpa nilai gred adalah seperti berikut;

TL	:	Tidak Lengkap
SM	:	Sedang Maju
AU	:	Audit
TD	:	Tarik diri
TP	:	Tanggung peperiksaan
XX	:	Berkaitan Tata tertib (Akademik)
LC	:	Lulus Cemerlang
L	:	Lulus
G	:	Gagal

9.2.2 Takrifan Kod Status yang diberikan tanpa nilai adalah seperti berikut;

- (a) **'TL'** (Tidak Lengkap) diberikan dengan kebenaran Dekan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 50% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar diberi tempoh melengkapkan tugas tersebut tidak lewat daripada dua (2) minggu selepas peperiksaan akhir semester tersebut untuk mendapat penilaian penuh dan gred.
- (b) **'SM'** (Sedang Maju) diberikan kepada pelajar yang mengikuti sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata penilaian tetapi jam kredit baginya hanya dikira untuk penentuan jam kredit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Jam kredit dikira bagi maksud pengiraan jumlah jam kredit setelah gred diperolehi pada semester berikutnya.
- (c) **'AU'** (Audit) diberikan kepada pelajar yang mendaftar dan melengkapkan kursus audit.
- (d) **'TD'** (Tarik Diri) diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus.
- (e) **'TP'** (Tanggung Peperiksaan) diberikan kepada pelajar yang diluluskan untuk menangguhkan peperiksaan.
- (f) **'XX'** (Tindakan Tata tertib) diberikan kepada pelajar yang sedang dalam tindakan tata tertib mengenai kesalahan bagi kes-kes kecurangan akademik. Jika disabitkan kesalahan kursus berkenaan diberikan gred F. Jika tidak disabitkan kesalahan gred kursus diberikan berdasarkan markah yang diperolehi.
- (g) **'LC'** diberikan kepada pelajar yang mengikuti sesuatu kursus tetapi kursus berkenaan tidak mempunyai apa-apa nilai gred. Pelajar yang Lulus Cemerlang dalam kursus tersebut diberikan gred LC.

- (h) **'L'** diberikan kepada pelajar yang mengikuti sesuatu kursus tetapi kursus berkenaan tidak mempunyai apa-apa nilai gred. Pelajar yang lulus dalam kursus tersebut diberikan status L.
- (i) **'G'** diberikan kepada pelajar yang mengikuti sesuatu kursus tetapi kursus berkenaan tidak mempunyai apa-apa nilai gred. Pelajar yang gagal dalam kursus tersebut diberikan status G.

9.3 Kod Status Kursus Ulangan

9.3.1 Kod dan takrifan status kursus ulangan adalah seperti berikut;

UG	:	Ulang Gred kali pertama
UG2	:	Ulang Gred kali kedua
UG3	:	Ulang Gred kali ketiga dan seterusnya
UM	:	Ulang Mata Pelajaran kali pertama
UM2	:	Ulang Mata Pelajaran kali kedua
UM3	:	Ulang Mata Pelajaran kali ketiga dan seterusnya
UK	:	Ulangan Khas

9.3.2 Takrifan status kursus ulangan yang diberikan adalah seperti berikut;

- (a) **'UG'** (Ulang Gred) diberikan kepada pelajar yang memohon untuk mengulang suatu kursus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu mendapat gred C- ke bawah, kecuali Program Perakaunan.
- (b) **'UG2'** (Ulang Gred) diberikan kepada pelajar yang memohon mengulang semula kursus Ulangan Gred (UG) yang sama dan masih mendapat C- dan ke bawah.
- (c) **'UG3'** (Ulang Gred) diberikan kepada pelajar yang memohon mengulang semula kursus Ulangan Gred (UG2) kerana masih mendapat C- dan ke bawah.

Nota: status UG seterusnya adalah berdasarkan kursus ulangan sehingga mencapai gred lebih baik.

- (d) **'UM'** (Ulang Mata Pelajaran) diberikan kepada pelajar yang gagal (kursus wajib) atau mendapat status SLB (kursus-kursus program Kejuruteraan) dan perlu mengulang kursus tersebut.
- (e) **'UM2'** (Ulang Mata Pelajaran) diberikan kepada pelajar yang gagal atau mendapat status SLB (kursus-kursus program Kejuruteraan) kali kedua.

- (f) **'UM3'** (Ulang Mata Pelajaran) diberikan kepada pelajar yang gagal atau mendapat status SLB (kursus-kursus program Kejuruteraan) kali ketiga.

Nota: status UM seterusnya adalah berdasarkan kursus ulangan sehingga lulus.

- (g) **'UK'** (Ulangan Khas) peperiksaan yang diadakan untuk pelajar tahun akhir bagi kursus yang gagal pada semester akhir untuk tujuan pengijazahan.

9.4 Kod Kredit untuk Penilaian Gred

9.4.1 Kod dan takrifan kredit dalam penilaian gred adalah seperti berikut;

- KD** : Kredit Daftar
- KC** : Pengecualian Kredit
- KS** : Pengecualian Kursus
- KP** : Pemindahan Kredit
- KM** : Kredit Mansuh
- KL** : Kredit Lulus
- KG** : Kredit Gagal
- KK** : Kredit Kira
- KF** : Kredit Kumulatif

9.4.2 Takrifan kod kredit yang diberikan adalah seperti berikut;

- (a) **'KD'** (Kredit Daftar) adalah dikira berdasarkan jumlah jam kredit kursus yang didaftarkan dan dinilai;
- (b) **'KC'** (Pengecualian Kredit) adalah dikira berdasarkan jam kredit kursus pengecualian kredit;
- (c) **'KS'** (Pengecualian Kursus) : Dibatalkan
- (d) **'KP'** (Pemindahan Kredit) adalah dikira berdasarkan jam kredit kursus pemindahan kredit;
- (e) **'KM'** (Kredit Mansuh) adalah dikira berdasarkan jam kredit;-
 - i. Kursus ulangan (UM/UG) dengan nilai gred yang asal digantikan dengan nilai gred yang baru atau mana yang lebih baik; dan/atau
 - ii. Kursus Setara;
- (f) **'KL'** (Kredit Lulus) adalah dikira berdasarkan jam kredit kursus yang didaftarkan, dinilai dan LULUS;

- (g) **'KG'** (Kredit Gagal) adalah dikira berdasarkan jam kredit kursus yang didaftarkan, dinilai dan GAGAL;
- (h) **'KK'** (Kredit Kira) adalah dikira berdasarkan jumlah jam kredit kursus yang didaftarkan pada semester semasa, dinilai termasuk kursus pemindahan kredit (KP) kecuali kursus Pengecualian kredit (KC) dan kursus tanpa nilai gred. Kredit ini dikira bagi tujuan pengiraan PNGS;
- (i) **'KF'** (Kredit Kumulatif) adalah dikira berdasarkan jumlah jam kredit kursus yang didaftarkan, dinilai termasuk pemindahan kredit (KP) dengan mengambil kira kursus yang telah diulang disebabkan gagal/SLB dengan menggantikan nilai gred kursus asal kepada nilai gred baru atau yang mana lebih baik kecuali kursus pengecualian kredit dan kursus tanpa nilai gred. Kredit ini dikira bagi tujuan pengiraan PNGK.

BAHAGIAN 10 - PURATA NILAI GRED

10.1 Pengiraan PNGK dan PNGS

- 10.1.1 Semua kursus akan diambil kira bagi menentukan PNGS dan PNGK pelajar.
- 10.1.2 Kursus-kursus yang mendapat gred "E", "F" dan "X" juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 10.1.3 Penjanaan PNGK pelajar yang mengulang kursus yang gagal adalah dengan menggantikan nilai gred kursus asal kepada nilai gred baru, yang mana lebih baik, dan hendaklah dibuat tanpa mengubah PNGS bagi semester kursus asal diambil. Perubahan PNGK akan dibuat pada semester semasa kursus ulangan diambil.

10.2 Kaedah Pengiraan Purata Nilai Gred

- 10.2.1 Pengiraan Purata Nilai PNGS adalah seperti berikut;

$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah nilai gred sesuatu semester}}{\text{Jumlah jam kredit bagi semua kursus pada semester semasa}}$$

Takrifan : Jumlah jam kredit bagi semua kursus pada semester semasa adalah berdasarkan Jumlah Kredit Kira (KK)

- 10.2.2 Pengiraan Purata Nilai PNGK adalah seperti berikut;

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah nilai gred semua semester}}{\text{Jumlah jam kredit terkumpul bagi semua semester}}$$

Takrifan : Jumlah jam kredit terkumpul bagi semua semester adalah berdasarkan Jumlah Kredit Kumulatif (KF)

BAHAGIAN 11 - STATUS PENGAJIAN PELAJAR

11.1 Status Pengajian yang Diberikan kepada Pelajar

- L** : Lulus dan Teruskan Pengajian
- P** : Tempoh Percubaan
- LB** : Lulus Bersyarat
- GB** : Gagal dan Berhenti

11.2 Lulus

- 11.2.1 Pelajar diberi status Lulus jika mendapat PNGK 2.00 dan ke atas. Bagi pelajar Program Doktor Perubatan, status Lulus diberikan jika mendapat PNGK 3.00 dan ke atas setiap semester dan mendapat status Lulus dalam Peperiksaan Profesional I dan II.
- 11.2.2 Pelajar yang diberi status lulus, layak untuk meneruskan pengajiannya kecuali pelajar yang telah melebihi tempoh pengajian.

11.3 Tempoh Percubaan

- 11.3.1 Pelajar yang berada dalam semester pertama, tahun pertama pengajiannya yang mendapat PNGK di bawah 2.00 hendaklah diberi status Tempoh Percubaan.
- 11.3.2 Pelajar semester pertama tahun pertama yang diberi status Tempoh Percubaan, layak meneruskan pengajiannya.
- 11.3.3 Kaedah 11.3 ini tidak terpakai kepada pelajar Program Doktor Perubatan.

11.4 Lulus Bersyarat

- 11.4.1 Pelajar akan diberi status Lulus Bersyarat (LB) jika mendapat PNGK di antara 1.00-1.99 pada mana-mana semester sepanjang pengajiannya tetapi tidak termasuk semester pertama tahun pertama pengajian.
- 11.4.2 Pelajar dibenarkan meneruskan pengajiannya tetapi hanya dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada lima belas (15) jam kredit.
- 11.4.3 Walau apa pun ketetapan dalam subkaedah 11.4.2, Dekan boleh mempertimbangkan pelajar untuk mengambil lebih daripada lima belas (15) jam kredit. Walau bagaimanapun, jumlah jam kredit secara keseluruhan yang diambil oleh pelajar pada semester berkenaan hendaklah tidak melebihi lapan belas (18) jam kredit.
- 11.4.4 Kaedah 11.4 ini tidak terpakai kepada pelajar Program Doktor Perubatan.

11.5 Gagal dan Berhenti

11.5.1 Pelajar akan diberikan status Gagal dan Berhenti (GB) jika:

- (a) mendapat PNGK di bawah 2.00 pada dua (2) semester berturut-turut (semester aktif) walaupun pelajar menangguh atau digantung pengajian di antara dua (2) semester berkenaan.
- (b) mendapat PNGK kurang daripada 1.00 pada mana-mana semester pengajiannya tidak termasuk semester pertama tahun pertama.
- (c) bagi pelajar program perubatan, ia mendapat PNGK di bawah 2.50 tidak termasuk semester pertama pengajian.

11.5.2 Pelajar yang mendapat status Gagal dan Berhenti (GB) akan diberikan status tidak aktif dan bukan lagi sebagai pelajar Universiti.

11.5.3 Pelajar program Doktor Perubatan yang mendapat PNGK di antara 2.50 dan 2.99 perlu untuk mengulang tahun dan sekiranya masih gagal mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 akan diberikan status gagal dan diberhentikan.

11.5.4 Pelajar Program Doktor Perubatan akan diberi status gagal dan diberhentikan jika gagal Peperiksaan Profesional 1 selepas 2 kali mengulang, atau gagal Peperiksaan Profesional II selepas dua (2) kali mengulang.

11.6 Tarik Diri dan Diberhentikan dari Pengajian

11.6.1 Pelajar akan diberi status tarik diri dan diberhentikan dari pengajian jika-

- (a) tidak dapat menghabiskan pengajiannya dalam tempoh pengajian yang ditetapkan.
- (b) tidak mendaftar dalam 2 semester berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti.
- (c) menarik diri daripada meneruskan pengajiannya.
- (d) dibuang dari Universiti atas tindakan tatatertib.

11.7 Rayuan Meneruskan Pengajian

- 11.7.1 Pelajar yang mendapat status Gagal dan Berhenti mengikut subkaedah 11.5.1 dan pelajar yang hilang status mengikut perenggan 2.2.4(b) boleh mengemukakan rayuan kepada Senat mengikut syarat-syarat berikut:
- (a) rayuan dibenarkan sekali sahaja sepanjang pengajian;
 - (b) pelajar hendaklah membayar yuran pemprosesan sebanyak RM100.00 yang ditetapkan oleh Universiti;
 - (c) rayuan dikemukakan dalam tempoh satu (1) semester selepas tarikh keputusan status Gagal dan Berhenti dan Jatuh Status dikeluarkan;
 - (d) prestasi keseluruhan pelajar dalam program pengajiannya adalah memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 1.80.
- 11.7.2 Dekan, setelah menerima rayuan berkenaan hendaklah membawa rayuan itu kepada Jawatankuasa Akademik peringkat Fakulti sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Prasiswazah, Diploma dan Asasi.
- 11.7.3 Jawatankuasa Prasiswazah, Diploma dan Asasi boleh dalam mempertimbangkan rayuan seseorang pelajar yang mendapat status Gagal dan Berhenti dengan:
- (a) membenarkan pelajar untuk meneruskan pengajian, pelajar itu hendaklah mendaftar pada semester berikutnya dan bukan pada semester di mana rayuan dikemukakan. Walau bagaimanapun, semester di mana rayuan dikemukakan itu hendaklah tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada pengiraan tempoh pengajian maksimum.
 - (b) membenarkan pelajar itu untuk meneruskan pengajian sama ada kekal dalam Program/Fakulti yang sama atau perlu bertukar ke Program/Fakulti lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Prasiswazah, Diploma dan Asasi; atau
 - (c) menolak rayuan itu.
- 11.7.4 Pelajar boleh memohon pemindahan kredit jika bertukar ke Program/Fakulti yang lain tertakluk dengan Peraturan/Garis Panduan yang berkenaan.
- 11.7.5 Keputusan Senat di bawah subkaedah 11.7.3 adalah muktamad dan tidak boleh dirayu semula.

BAHAGIAN 12 - PENGURNIAAN AKADEMIK

12.1 Syarat Pengurniaan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan

12.1.1 Pelajar mestilah memenuhi semua syarat dan keperluan Universiti seperti berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan Ijazah Doktor Perubatan.

- (a) lulus semua kursus dan melengkapinya dengan jumlah jam kredit yang ditetapkan mengikut keperluan Fakulti yang telah diluluskan oleh Senat dalam tempoh yang ditetapkan;
- (b) mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00;
- (c) menyempurnakan tempoh minimum yang ditetapkan bagi program pengajiannya;
- (d) lulus MUET sekurang-kurangnya Band 3 atau purata Gred C dalam kursus Bahasa Inggeris sahaja bagi pelajar yang semasa kemasukannya ke Universiti mendapat MUET Band 2; dan
- (e) bagi pelajar Program Doktor Perubatan, status lulus diberikan jika mendapat PNGK 3.00 dan ke atas pada setiap semester dan mendapat status Lulus dalam peperiksaan profesional I dan II; dan
- (f) diluluskan oleh Senat.

12.1.2 Dibatalkan.

- (a) Dibatalkan.
- (b) Dibatalkan.
- (c) Dibatalkan.
- (e) Dibatalkan.

12.2 Penganugerahan Akademik secara Aegrotat dan Anumerta

12.2.1 Bagi maksud kaedah ini:

- (a) Penganugerahan akademik secara aegrotat (*Compassionate Award*) bermaksud pemberian status tamat dan penganugerahan akademik tanpa pengkelasan kepada pelajar yang hilang keupayaan secara kekal.
- (b) Penganugerahan akademik secara anumerta (*Posthumous Award*) bermaksud pemberian status tamat dan penganugerahan akademik tanpa pengkelasan kepada seorang pelajar yang telah meninggal dunia.

- 12.2.2 Pelajar boleh diberi status tamat secara Aegrotat atau Anumerta tertakluk dengan syarat-syarat berikut;
- (a) Berstatus 'Lulus' pada semester terakhir sebelum kematian atau hilang upaya secara kekal; dan
 - (b) Telah lulus sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah kredit keseluruhan program pengajian.
- 12.2.3 Senat boleh memberikan pengecualian terhadap syarat-syarat yang dinyatakan pada subkaedah 12.2.2.

12.3 Pengurniaan Akademik

- 12.3.1 Pelajar yang layak dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian diberikan taraf pencapaian akademik mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	KELAS
3.67 - 4.00	Kelas Satu
3.00 - 3.66	Kelas Dua : I
2.00 - 2.99	Kelas Dua : II

- 12.3.2 Subkaedah 12.3.1 tidak terpakai kepada pelajar Program Doktor Perubatan dan pelajar program Doktor Perubatan layak dikurniakan Ijazah Doktor Perubatan.
- 12.3.3 Dibatalkan.
- (a) Dibatalkan.
 - (b) Dibatalkan.
 - (c) Dibatalkan.
 - (d) Dibatalkan.

BAHAGIAN 13 - PERUNTUKAN PENGECCUALIAN DAN PERALIHAN

13.1 Tafsiran

13.1.1 Dalam Bahagian ini:

“Peraturan yang dimansuhkan” ertinya Peraturan Pengajian Prasiswazah yang dimansuhkan di bawah subkaedah 1.2.1.

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh kaedah ini mula berkuat kuasa.

13.2 Kesahan Tindakan oleh Universiti

13.2.1 Apa-apa kelulusan dan tindakan Senat di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat di bawah kaedah ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

13.3 Hak, Dsb. Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti Tidak Terjejas

13.3.1 Segala hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, turun kepada dan disifatkan sebagai hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah kaedah ini.

13.3.2 Segala aku janji yang diberikan oleh, dan perkara yang belum selesai di hadapan Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dijalankan oleh atau diteruskan di hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah kaedah ini.

13.3.3 Segala tanggungan sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan terhadap Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah kaedah ini.

13.4 Kuasa yang Diwakilkan

13.4.1 Segala kuasa yang diwakilkan di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, setakat yang perwakilan itu selaras dengan kaedah ini, disifatkan telah diwakilkan di bawah kaedah ini.

13.5 Kecualian Peraturan dan Sebagainya

13.5.1 Semua peraturan, perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa yang dikeluarkan atau dibuat oleh Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah terus berkuat kuasa setakat yang Peraturan,

perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa selaras dengan, atau sehingga diganti atau dibatalkan oleh, peruntukan ini.

13.6 Pelajar Universiti

- 13.6.1 Pelajar yang sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan telah diterima masuk untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan dan, pada tarikh yang ditetapkan masih lagi mengikuti kursus pengajian hendaklah pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah diterima masuk di bawah kaedah ini.

BAHAGIAN 14 – AM

- 14.1 Kaedah ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat akan berkuatkuasa serta merta.
- 14.2 Sebarang garis panduan, manual dan kaedah pelaksanaan selanjutnya boleh dibuat di bawah mana-mana peruntukan kaedah ini dan hendaklah dipatuhi.
- 14.3 Walau bagaimanapun, Senat berhak untuk mengubahnya dari semasa ke semasa apabila keadaan memerlukannya.
- 14.4 Senat mempunyai kuasa membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Kaedah ini dari semasa ke semasa.

JADUAL 1

(SUBKAEDAH 2.1.1)

Syarat Kemasukan Program Prasiswazah

Calon yang ingin mengikuti program pengajian Ijazah Doktor Perubatan di Universiti Malaysia Sabah hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :

A. KELAYAKAN MINIMUM MATRIKULASI/ ASASI/ STPM

Mendapat PNGK minimum sekurang-kurangnya 3.50 di peringkat STPM / Matrikulasi / Asasi Sains:

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B+ (3.33)** pada peringkat Matrikulasi/ Asasi Sains dalam mata pelajaran berikut:

- Chemistry
- Biology

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B (3.00)** pada peringkat Matrikulasi/ Asasi Sains dalam mata pelajaran berikut:

- Physics/ Mathematics (M) / Mathematics (T)

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:

- Biology
- Chemistry
- Physics
- Mathematics / Additional Mathematics
- Satu mata pelajaran yang lain

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Kepujian (Gred C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:

- Bahasa Inggeris

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (Band 3)** dalam *Malaysian University English Test (MUET)*

dan

Lulus ujian dan temuduga yang ditetapkan oleh Universiti.

ATAU

B. SYARAT KHAS PROGRAM DIPLOMA/ A-LEVEL/ INTERNATIONAL BACCALAUREATE (IB)

Memenuhi syarat kelayakan minima seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia MMC (2013) iaitu:

Memiliki **International Baccalaureate (IB)** dengan mencapai skor minimum **30 mata** dalam **2 subjek Sains atau subjek Matematik pada *Higher Level (HL)*** dan **satu subjek Sains pada *Standard Level (SL)***;

dan

Memperolehi sekurang-kurangnya **skor 4** dalam

- Biology dan
- Chemistry dan
- Physics / Mathematics / Additional Mathematics

atau

Memiliki kelayakan *General Certificate of Education GCE **A-Level*** dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred BBB, ABC dan AAC dalam tiga (3) mata pelajaran berikut :

- Biology
- Chemistry
- Physics / Mathematics

dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut :

- Biology
- Chemistry
- Physics
- Mathematics / Additional Mathematics
- Satu mata pelajaran lain

dan

Mendapat sekurang-kurangnya Kepujian (Gred C) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut :

- Bahasa Inggeris

dan

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*

Dan

Lulus ujian dan temuduga yang ditetapkan oleh Fakulti.

Penafian :

1. Syarat yang terkandung dalam lampiran ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa dari Kementerian Pengajian Tinggi.
2. Minimum PNGK/CGPA yang ditentukan oleh FPSK.

JADUAL 2

(SUBKAEDAH 2.1.1)

Syarat-syarat kemasukan bagi pelajar antarabangsa:

International Candidates who wish to apply for undergraduate programme in UMS must follow the general entry requirement as follow:-

1. *Higher Certificate of Education (STPM) or GCE 'A' Level or equivalent: -*
 - a. *A pass in GCE 'O' Level or its equivalent;*
 - b. *A pass in the STPM or GCE 'A' Level or Higher School Certificate (HSC) or its equivalent with at least grade C in any three (3) subjects;*
 - c. *A pass in Cambridge International Examination Test with at least B grade; -or-*
 - d. *Exceptions for English speaking country which is stated in MQA qualifications; -or-*
 - e. *Exceptions for school/institute/college that uses English as the official language for learning and teaching; -or-*
 - f. *A Band 5 in IELTS (International English Language Testing System) or 500 points (Paper Test) / 42 points (IBT) in TOEFL (Test of English as a Foreign Language); or 47 points in Pearson Test of English; or*
 - g. *Band 3 in MUET (Malaysian University English Test) after completing the Progressive English Programme (PEP) at Universiti Malaysia Sabah.*
2. *Foundation or Diploma or its equivalent: -*
 - a. *A Diploma or its equivalent which is recognized by the Malaysian Government and the University Senate with CGPA of at least 3.00;*
 - b. *2.A pass in Cambridge International Examination Test with at least B grade;-or- Exceptions for English speaking country which is stated in MQA qualifications;-or-*
 - c. *Exceptions for school/institute/college that uses English as the official language for learning and teaching;-or-*
 - d. *A Band 5 in IELTS (International English Language Testing System) or 500 points (Paper Test)/ 42 points (IBT) in TOEFL (Test of English as a Foreign Language); or 47 points in Pearson Test of English; or*
 - e. *Band 3 in MUET (Malaysian University English Test) after completing the Progressive English Programme (PEP) at Universiti Malaysia Sabah.*

JADUAL 3

(SUBKAEDAH 3.2.1)

Bil.	Program	Tempoh Pengajian yang Ditetapkan	Keterangan
1.	Program Sarjana Muda (Sepenuh Masa)	Tempoh pengajian ialah enam (6) hingga lapan (8) semester bagi program tiga (3) tahun	Tempoh pengajian yang tidak menepati Jadual 4 adalah tertakluk kepada kelulusan Senat
		Tempoh pengajian ialah tujuh (7) hingga dua belas (12) semester bagi program tiga setengah (3.5) tahun	Tempoh pengajian yang tidak menepati Jadual 4 adalah tertakluk kepada kelulusan Senat
		Tempoh pengajian ialah lapan (8) hingga dua belas (12) semester bagi program empat (4) tahun	Tempoh pengajian yang tidak menepati Jadual 4 adalah tertakluk kepada kelulusan Senat
2.	Program Ijazah Sarjana Muda (Luar Kampus)	Tempoh pengajian ialah lapan (8) hingga dua belas (12) semester bagi program tiga (3) tahun sepenuh masa	Tempoh pengajian yang tidak menepati Jadual 4 adalah tertakluk kepada kelulusan Senat
		Tempoh pengajian ialah sepuluh (10) hingga enam belas (16) semester bagi program tiga setengah (3.5) tahun sepenuh masa	Tempoh pengajian yang tidak menepati Jadual 4 adalah tertakluk kepada kelulusan Senat
		Tempoh pengajian ialah dua belas (12) hingga enam belas (16) semester bagi program empat (4) tahun sepenuh masa	Tempoh pengajian yang tidak menepati Jadual 4 adalah tertakluk kepada kelulusan Senat

JADUAL 4
(SUBKAEDAH 4.4.2)

Bil.	Minggu Pengkuliahan	Kadar Denda
1.	Minggu ke-4	RM50 bagi setiap kursus yang hendak didaftarkan/digugurkan
2.	Minggu ke-5 hingga ke-6	RM100 bagi setiap kursus yang hendak didaftarkan/digugurkan
3.	Minggu ke-7 hingga ke-8	RM200 bagi setiap kursus yang hendak didaftarkan/digugurkan
4.	Minggu ke-9 hingga ke-14	Semua permohonan pendaftaran lewat selepas minggu ke-8 adalah tidak dibenarkan . Catatan : 1. Jadual Peperiksaan dikeluarkan pada Minggu ke-10 Pengkuliahan 2. Slip peperiksaan dikeluarkan pada Minggu ke-13.

JADUAL 5
(SUBKAEDAH 4.8.1)

TATACARA PENDAFTARAN PROGRAM PERUBATAN

Tatacara pendaftaran Program Doktor Perubatan adalah mengikut:

1. Keperluan Dokumentasi Akreditasi (MQA-02), Program Ijazah Doktor Perubatan (mengikut Standard Program Doktor Perubatan).
2. Prospektus Universiti Malaysia Sabah yang sedang berkuatkuasa.

JADUAL 6

GARIS PANDUAN PEMINDAHAN JAM KREDIT

1. TUJUAN

Garis panduan ini dibangunkan sebagai rujukan dan panduan kepada Fakulti/Pusat/Institut dan pelajar yang terlibat mengenai pemindahan kredit di Universiti Malaysia Sabah.

2. DEFINISI

Takrifan yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

- 2.1. **'PINDAH KREDIT'** bermaksud pemindahan kredit daripada kelayakan peringkat rendah ke kelayakan peringkat yang lebih tinggi (vertical) atau pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama (horizontal) Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*).
- 2.2. **'HORIZONTAL'** bermaksud pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama. Sebagai contoh seperti berikut;
 - (i) Sijil (tahap 3, MQF) ke Sijil (tahap 3, MQF)
 - (ii) Diploma (tahap 4, MQF) ke Diploma (tahap 4, MQF)
 - (iii) Sarjana Muda (tahap 6, MQF) ke Sarjana Muda (tahap 6, MQF).
- 2.3. **'VERTICAL'** bermaksud pemindahan kredit daripada kelayakan peringkat rendah ke kelayakan peringkat yang lebih tinggi. Sebagai contoh, pemindahan kredit daripada program Diploma (Tahap 4 MQF) ke program Sarjana Muda (Tahap 6 MQF).

3. LATAR BELAKANG

- 3.1. Pemindahan jam kredit di UMS sebelum ini dinyatakan dalam Kaedah Pengajian Prasiswazah Universiti Malaysia Sabah.
- 3.2. Keperluan bagi mewujudkan garis panduan ini adalah berikutan terdapat beberapa perubahan dalam dasar pindah kredit universiti awam yang telah digariskan oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), yang memerlukan pindaan dalam Kaedah Pengajian Prasiswazah UMS.
- 3.3. Sebagai memudahkan rujukan, garis panduan ini diwujudkan dan akan dikemaskini berdasarkan dasar yang diperuntukkan oleh pihak berkaitan dari masa ke semasa.

4. DASAR PINDAH KREDIT

4.1 Syarat Umum Pindah Kredit

- 4.1.1 Gred Lulus minimum adalah Gred C.
- 4.1.2 Nilai kredit adalah sama dengan nilai kredit kursus bagi program di institusi pengajian tinggi (IPT) penerima.
- 4.1.3 Kesetaraan kurikulum kursus tidak kurang 80% dan
- 4.1.4 Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat akreditasi atau pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

5. PINDAH KREDIT SECARA HORIZONTAL (PINDAH KREDIT DENGAN GRED)

5.1 Pindah kredit secara horizontal terpakai bagi pelajar yang berada di dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian).

5.1.1 Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

5.1.2 Dasar pemindahan kredit secara horizontal berdasarkan situasi adalah seperti berikut:

- (a) Pelajar telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki
 - Pemindahan kredit dibenarkan.
 - Tiada had pindah kredit jika pelajar berada di institusi pengajian yang sama.
 - Bagi pelajar yang melanjutkan pengajian untuk kali kedua di institusi pengajian yang berbeza, pindah kredit adalah tertakluk kepada tempoh pemastautin pelajar (*residential year*).
- (b) Pelajar sedang mengikuti program dan ingin menukar ke program lain dalam bidang yang sama dengan program yang sedang diikuti
 - Pemindahan kredit dibenarkan.
 - Sekiranya program tersebut di ambil di institusi pengajian yang sama, tiada had pemindahan kredit tertakluk kepada syarat pindah kredit.
 - Sekiranya program yang ingin diikuti di institusi pengajian yang berbeza, pemindahan kredit tertakluk kepada syarat pemastautin pelajar (*residential year*).
- (c) Pelajar gagal program dan ingin melanjutkan pengajian dalam program yang lain di peringkat yang sama sama ada di institusi yang sama atau berbeza.
 - Pemindahan kredit (termasuk MPW/MPU) tidak dibenarkan.

- (d) Pelajar yang berhenti pelajar daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi di dalam program lain di peringkat yang sama.
- Pemindahan kredit boleh dipertimbangkan.
 - Sekiranya program tersebut diambil di institusi pengajian yang sama, tiada had pindah kredit. Pindah kredit tertakluk kepada syarat pindah kredit.
 - Sekiranya program yang ingin diikuti di institusi pengajian yang berbeza, pindah kredit tertakluk kepada syarat permastatutin pelajar (*residential year*).
 - Lazimnya *currency of knowledge* bagi sesuatu program adalah sekitar 5 tahun.
- (e) Pelajar sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus di institusi pengajian yang lain (contoh program mobiliti atau program pertukaran pelajar).
- Pemindahan kredit adalah dibenarkan tertakluk kepada tempoh pemastatutin (*residential year*) di institusi pengajian yang menganugerahkan kelayakan.

5.2 Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)

Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) adalah dibenarkan untuk pindah kredit secara horizontal.

5.3 Program Peringkat Sarjana dan Kedoktoran

Pemindahan kredit bagi program sarjana dan kedoktoran (kerja kursus dan campuran) adalah dibenarkan berdasarkan *case by case basis*.

5.4 Pelajar Universiti Luar Negara ke Pemberi Pendidikan Tinggi di Malaysia

5.4.1 Proses pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*). Bagi tujuan tersebut, pelajar perlu memenuhi syarat umum pindah kredit seperti berikut:

- i. Gred Lulus : gred minimum iaitu gred C;
- ii. Nilai Kredit : sama dengan nilai kredit kursus bagi program di PPT penerima; dan
- iii. Kesetaraan kurikulum kursus : tidak kurang 80%.

5.4.2 *Component to component mapping* juga boleh dilaksanakan bagi kursus bukan teras bidang (*discipline core*), major, pengkhususan (*specialisation*) dan minor. Contohnya, kursus elektif bebas.

5.4.3 Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada institusi dan program yang telah mendapat akreditasi dan pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

5.4.4 Pelajar berpeluang mendapat pindah kredit secara maksimum pengajian yang telah diikuti di luar negara tertakluk kepada syarat *Academic Residential Requirement* pelajar di universiti penerima sekurang-kurangnya satu (1) semester. Tempoh *Academic Residential Requirement* merujuk kepada tempoh masa keberadaan pelajar sama ada secara fizikal atau bukan fizikal (dalam talian) di PPT yang menganugerahkan kelayakan selepas pelajar mendaftar untuk mengikuti program pengajian di PPT tersebut.

5.4.5 Pindah kredit yang melibatkan program profesional seperti perubatan, pergigian, kejuruteraan dan lain-lain perlu mematuhi syarat pindah kredit yang ditetapkan oleh badan profesional berkaitan (sekiranya ada). Ini bagi mengelakkan sebarang permasalahan berkaitan pendaftaran untuk beramal sebagai profesional selepas pelajar bergraduat kelak.

5.5 Tempoh Pemastautin

5.5.1 Tempoh pemastautin merujuk kepada masa keberadaan (*physical/non-physical*) pelajar di premis institusi pengajian yang menganugerahkan kelayakan selepas pelajar mendaftar untuk mengikuti program pengajian di institusi pengajian tersebut.

5.5.2 Tempoh pemastautin disyaratkan kepada pelajar yang masih dalam pengajian tetapi ingin bertukar ke institusi pengajian lain untuk mengikuti program pada tahap kelayakan yang sama berdasarkan MQF. Tempoh ini penting bagi memastikan pelajar mendapat pengalaman sebenar dan pendedahan yang sewajarnya di institusi pengajian penerima yang akan menganugerahkan kelayakan dan diberikan pindah kredit secara horizontal.

5.5.3 Tempoh pemastautin adalah seperti berikut:

- Kedoktoran – 1 semester
- Sarjana – 1 semester
- Sarjana Muda – 1 semester
- Diploma – 1 semester
- Sijil – 1 semester

6. PINDAH KREDIT SECARA VERTICAL (PENGECUALIAN KREDIT)

6.1 Pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.

6.1.1 Kredit Kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduat tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.

6.1.2 Dasar pemindahan kredit secara vertical berdasarkan situasi adalah seperti berikut:

(a) Pemindahan kredit daripada sijil ke diploma

Pemindahan kredit dibenarkan dengan pindahan maksimum 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.

(b) Pemindahan kredit daripada diploma kepada sarjana muda

Pemindahan kredit dibenarkan dengan pindahan maksimum sebanyak 50% daripada jumlah kredit yang akan diikuti dengan ketetapan berikut:

Peratusan Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	Gred C
31 hingga 50	Gred B

Pemindahan kredit dibenarkan dengan pindahan maksimum 60% bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan APEL(C), MOOC dan *Micro-credential* (MC).

Pindah kredit bagi Latihan Industri adalah tidak dibenarkan memandangkan hasil pembelajaran Latihan Industri bagi peringkat Diploma (Tahap 4, MQF) dan Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) adalah berbeza.

(c) Pemindahan kredit daripada advanced diploma ke sarjana muda

Pelajar yang mempunyai kelayakan Diploma Lanjutan (yang turut memiliki diploma) boleh dipertimbangkan pemindahan kredit seperti berikut:

- i. Bagi program pengajian 3 tahun, tempoh maksimum yang dibenarkan adalah sehingga 1 tahun (pelajar akan mengikuti tahun kedua pengajian program sarjana muda).
- ii. Bagi program pengajian 4 tahun, tempoh maksimum yang dibenarkan adalah sehingga 2 tahun (pelajar akan mengikuti tahun ketiga pengajian program sarjana muda).

(d) Pemindahan kredit daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program yang lebih rendah. Pemindahan kredit tidak dibenarkan.

6.2 Pindah kredit secara vertical bagi MPU kelompok U1 adalah dibenarkan bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban serta kursus Falsafah dan Isu Semasa.

6.2.1 Pindah Kredit dari program peringkat ijazah sarjana (Tahap 7, MQF) ke program Ijazah kedoktoran (Tahap 8, MQF) adalah tidak dibenarkan.

6.3 Pemindahan Kredit Program Mobiliti.

Program pengajian yang terlibat dalam program mobiliti hendaklah memenuhi ketetapan berikut:

- (a) Transkrip pelajar hendaklah menyatakan kursus yang melibatkan pindahan kredit dari institusi pengajian di luar negara;
- (b) Program yang disertai oleh pelajar mendapat Akreditasi/Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara yang berkenaan; dan

(c) Silibus, struktur dan cara pemindahan kredit bagi satu-satu program akademik yang ditawarkan telah diselaraskan antara institusi pengajian yang berkaitan.

6.4 Pindah kredit bagi Latihan Industri adalah tidak dibenarkan memandangkan hasil pembelajaran Latihan Industri bagi peringkat Diploma (Tahap 4, MQF) dan Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) adalah berbeza.

7. PEMINDAHAN KREDIT MOOC

7.1. Proses pemindahan kredit bagi sesuatu kursus dalam program yang ditawarkan di UMS perlu menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh Garis Panduan Pemindahan Kredit MOOC oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) (MQA.100-1/7/1(19)).

7.2. Kursus yang telah diambil secara dalam talian seperti MOOC untuk pemindahan kredit kepada kursus pengajian semasa perlu memenuhi syarat-syarat berikut:-

7.2.1 Kursus tersebut telah mendapat kelulusan di peringkat MQA sebagai kursus yang layak untuk dipertimbangkan bagi permohonan pemindahan kredit.

7.2.2 Kursus tersebut belum pernah digunakan untuk pemindahan kredit dalam mana-mana program pengajian formal.

7.2.3 Kursus tersebut mencapai kesetaraan silibus sekurang-kurangnya 80% dengan kursus yang hendak dipindahkan kredit. Kombinasi daripada beberapa kursus dalam talian yang lain juga boleh diambilkira untuk melengkapkan kesetaraan 80% tersebut berdasarkan *course learning outcomes* (CLO), senarai topik dan sub-topik serta durasi (jangkamas) kursus yang diambil.

7.2.4 Kursus tersebut mempunyai nilai jam kredit yang setara dengan kursus program yang ingin dibuat pemindahan kredit menggunakan jam nosional. 1 jam kredit bersamaan 40 jam nosional.

7.3 Kursus tersebut mempunyai elemen asas seperti berikut:-

a. Maklumat instruktur yang mengendalikan kursus tersebut

b. Tempoh pembelajaran

c. Pernyataan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)

d. Sinopsis

e. Senarai kandungan / topik

f. Aktiviti pembelajaran

g. Aktiviti pentaksiran

h. Gred (sekiranya ada)

- 7.4 Kursus dari program yang memerlukan akreditasi dari badan profesional boleh diberi pemindahan kredit, dengan syarat PPT telah mendapat kelulusan dari badan profesional yang berkaitan.
- 7.5 Kursus dalam pengajian semasa yang ingin dibuat pemindahan kredit perlu memenuhi syarat-syarat berikut:-
 - 7.5.1 Kursus tersebut mestilah daripada program yang telah mendapat akreditasi penuh daripada pihak MQA.
 - 7.5.2 Kursus tersebut mestilah tidak mempunyai pra-syarat kursus lain, ataupun kursus pra-syarat baginya telahpun dipenuhi.
 - 7.5.3 Kursus tersebut bukan yang berbentuk amali/ bengkel / latihan industri / praktikal/ projek tahun akhir / disertasi / tesis.
- 7.6 Kursus yang telah diberikan status pemindahan kredit melalui kursus dalam talian hanya diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah jam kredit bergraduat. Gred kursus yang telah diambil dalam talian tersebut tidak memberi kesan kepada pengiraan purata nilai gred (GPA) dan purata nilai gred kumulatif (CGPA).
- 7.7 Jumlah bilangan kursus yang dibenarkan untuk dibuat pemindahan kredit menggunakan kursus dalam talian hanya boleh dipertimbangkan sehingga had maksima 30% daripada jumlah keseluruhan jam kredit bagi sesuatu program pengajian yang sedang diikuti.

JADUAL 7
(SUBKAEDAH 9.1.3)

FAKULTI KEJURUTERAAN

- i. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan adalah seperti berikut:

Gred	Mata Gred	Markah	Taraf
A+	4.00	90-100	Lulus Sangat Cemerlang
A	4.00	80-89	Lulus Cemerlang
A-	3.67	75-79	Lulus Cemerlang
B+	3.33	70-74	Lulus Kepujian
B	3.00	65-69	Lulus Kepujian
B-	2.67	60-64	Lulus Kepujian
C+	2.33	55-59	Lulus Baik
C	2.00	50-54	Lulus Baik
C-	1.67	45-49	Lulus
D+	1.33	40-44	Lulus Bersyarat
D	1.00	35-39	Gagal
E	0.00	0-34	Gagal

- ii. Pelajar yang mendapat status Subjek Lulus Bersyarat (SLB) dan Gagal dikehendaki mengulang kursus-kursus tersebut.
- iii. Gred dan nilai gred yang peruntukan dalam jadual di atas adalah khusus bagi Kursus Teras dan Elektif Program Kejuruteraan.
- iv. Jadual markah dan status bagi Latihan Industri bagi program Kejuruteraan adalah seperti berikut:
- a. Status Penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Status
1.	90-100	Lulus Cemerlang
2.	50-89	Lulus
3.	0-49	Gagal

b. Elemen penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Keterangan
1.	Lulus Cemerlang	Markah 90% dan keatas i. Laporan prestasi yang cemerlang daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.
2.	Lulus	Markah 50%-89% i. Laporan prestasi yang memuaskan daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.
3.	Gagal	Markah Gagal 49% ke bawah i. Gagal melapor diri ke Organisasi semasa tempoh Latihan Industri. ii. Laporan prestasi yang tidak memuaskan daripada Penyelia Industri. iii. Tidak menghantar Laporan Teknikal kepada Penyelia Industri dan Penyelia Akademik. iv. Tidak menjalani tempoh Latihan Industri yang dikehendaki. v. Tidak mendapat kelulusan Penyelia Industri atau Penilai Akademik atas sebab-sebab tertentu.

FAKULTI KOMPUTERAN DAN INFORMATIK

- i. Jadual markah dan status bagi Latihan Industri bagi dua (2) program iaitu HC00 dan HC05 sehingga pengambilan kohort Sesi pengajian 2015/2016 adalah seperti berikut:

- a. Status Penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Status
1.	90-100	Lulus Cemerlang
2.	50-89	Lulus
3.	0-49	Gagal

- b. Elemen penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Keterangan
1.	Lulus Cemerlang	Markah 90% dan keatas i. Laporan prestasi yang cemerlang daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.
2.	Lulus	Markah 50%-89% i. Laporan prestasi yang memuaskan daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.
3.	Gagal	Markah Gagal 49% ke bawah i. Gagal melapor diri ke Organisasi semasa tempoh Latihan Industri. ii. Laporan prestasi yang tidak memuaskan daripada Penyelia Industri. iii. Tidak menghantar Laporan Teknikal kepada Penyelia Industri dan Penyelia Akademik. iv. Tidak menjalani tempoh Latihan Industri yang dikehendaki. v. Tidak mendapat kelulusan Penyelia Industri atau Penilai Akademik atas sebab-sebab tertentu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN

- i. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi program Perakaunan (Kursus dengan Kod BP) adalah seperti berikut:

Gred	Mata Gred	Markah	Taraf
A+	4.00	90-100	Lulus Sangat Cemerlang
A	4.00	80-89	Lulus Cemerlang
A-	3.67	75-79	Lulus Cemerlang
B+	3.33	70-74	Lulus Kepujian
B	3.00	65-69	Lulus Kepujian
B-	2.67	60-64	Lulus Kepujian
C+	2.33	55-59	Lulus Baik
C	2.00	50-54	Lulus
C-	1.67	45-49	Gagal
D+	1.33	40-44	Gagal
D	1.00	35-39	Gagal
E	0.00	0-34	Gagal

- ii. Gred dan nilai gred yang peruntukan dalam Jadual di atas adalah khusus bagi Kursus Teras Program Perakaunan dan hanya terpakai kepada pelajar yang pengkhususan utamanya ialah Program Perakaunan.

FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

- i. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi program Doktor Perubatan untuk peperiksaan akhir semester dan peperiksaan penempatan klinikal adalah seperti berikut:

Gred	Mata Gred	Markah	Taraf
A+	4.00	90-100	Lulus Sangat Cemerlang
A	4.00	80-89	Lulus Cemerlang
A-	3.67	75-79	Lulus Cemerlang
B+	3.33	70-74	Lulus Kepujian
B	3.00	65-69	Lulus
B-	2.67	60-64	Gagal
C+	2.33	55-59	Gagal
C	2.00	50-54	Gagal
C-	1.67	45-49	Gagal
D+	1.33	40-44	Gagal
D	1.00	35-39	Gagal
E	0.00	0-34	Gagal

- ii. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada peperiksaan Profesional I dan Profesional II bagi program Doktor Perubatan adalah seperti berikut:

Markah	Gred	Nilai Gred	Status
80 - 100	A	4.00	Lulus Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	Kepujian
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	Lulus
55 - 59	C+	2.33	
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.67	Gagal
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	E	0.00	

SISTEM GRED BAGI PELAJAR MOBILITI *INBOUND* CHINA

Sistem gred bagi pelajar Mobiliti Inbound China yang telah diluluskan di Mesyuarat Senat Bil. 4/2018 (kali ke-157) adalah seperti berikut:

Gred	Markah	Kategori
A	75 – 100	Cemerlang
B	50 – 74	Baik
C	35 – 49	Lulus
F	0 – 34	Gagal

**KAEDAH PENGAJIAN PRASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2014
(PINDAAN TAHUN 2019)**

LAMPIRAN 1:

Gred dan nilai gred ini hanya terpakai bagi kohort kemasukan sebelum Sesi 2022/2023:

Markah	Gred	Nilai Gred	Status
80 - 100	A	4.00	Lulus Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	Lulus Kepujian
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	
55 - 59	C+	2.33	Lulus
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.67	
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	E	0.00	Gagal
-	F	0.00	
-	X	0.00	

FAKULTI KEJURUTERAAN

- i. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan adalah seperti berikut:

MARKAH	GREED	NILAI GREED	STATUS
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.67	
70-74	B+	3.33	Kepujian
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.67	
55-59	C+	2.33	Lulus
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.67	
40-44	D+	1.33	
35-39	D	1.00	Subjek Lulus Bersyarat
0-34	E	0.00	Gagal
-	F	0.00	

- ii. Pelajar yang mendapat status Subjek Lulus Bersyarat (SLB) dan Gagal dikehendaki mengulang kursus-kursus tersebut.

iii. Jadual markah dan status bagi Latihan Industri bagi program Kejuruteraan adalah seperti berikut:

a. Status Penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Status
1	90-100	Lulus Cemerlang
2	50-89	Lulus
3	0-49	Gagal

b. Elemen penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Keterangan
1.	Lulus Cemerlang	Markah 90% dan keatas i. Laporan prestasi yang cemerlang daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.
2.	Lulus	Markah 50%-89% i. Laporan prestasi yang memuaskan daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.
3.	Gagal	Markah Gagal 49% ke bawah i. Gagal melapor diri ke Organisasi semasa tempoh Latihan Industri. ii. Laporan prestasi yang tidak memuaskan daripada Penyelia Industri. iii. Tidak menghantar Laporan Teknikal kepada Penyelia Industri dan Penyelia Akademik. iv. Tidak menjalani tempoh Latihan Industri yang dikehendaki. v. Tidak mendapat kelulusan Penyelia Industri atau Penilai Akademik atas sebab-sebab tertentu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN

- i. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi program Perakaunan (Kursus dengan Kod BP) adalah seperti berikut:

MARKAH	GRED	NILAI GRED	STATUS
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.67	
70-74	B+	3.33	Kepujian
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.67	
55-59	C+	2.33	Lulus
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.67	Gagal
40-44	D+	1.33	
35-39	D	1.00	
0-34	E	0.00	
-	F	0.00	

- ii. Gred dan nilai gred yang peruntukan dalam Jadual di atas adalah khusus bagi Kursus Teras program Perakaunan dan hanya terpakai kepada pelajar yang pengkhususan utamanya ialah program Perakaunan.

FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

- i. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi program Doktor Perubatan untuk peperiksaan akhir semester dan peperiksaan penempatan klinikal adalah seperti berikut:

MARKAH	GRED	NILAI GRED	STATUS
80 - 100	A	4.00	Lulus Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	Lulus
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	
55 - 59	C+	2.33	Gagal
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.67	
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	E	0.00	

- ii. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada peperiksaan Profesional I dan Profesional II bagi program Doktor Perubatan adalah seperti berikut:

MARKAH	GRED	NILAI GRED	STATUS
80 - 100	A	4.00	Lulus Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	Kepujian
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	Lulus
55 - 59	C+	2.33	
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.67	Gagal
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	E	0.00	

HALAMAN INI DIBIARKAN KOSONG


HALAMAN INI DIBIARKAN KOSONG



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAHAGIAN PERKHIDMATAN AKADEMIK

**Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400
Kota Kinabalu, Sabah**

 **088-320 000 Samb. 200402**

 <http://bpa.ums.edu.my/>